

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 04 APRIL 2017 |

LAWATAN RASMI PM DI INDIA

India berminat projek bandar raya maritim di Pulau Carey

BH- 4/4/2017.

→ Kerjasama dua negara babit pembangunan bernilai RM141b

► New Delhi

Syarikat Malaysia dan India akan bekerjasama membangunkan projek pelabuhan dan bandar raya maritim bernilai kira-kira AS\$32 bilion (RM141b) di Pulau Carey, Klang, Selangor.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata syarikat India berminat terhadap Pulau Carey berikutan lokasinya yang strategik.

"Ia hanya satu kebetulan yang penggambaran filem Kabali dibuat di Pulau Carey. Yang pasti kumpulan India itu berminat disebabkan lokasinya strategik," katanya pada mesyuarat meja bulat dengan pemimpin industri di sini, semalam.

Najib juga memaklumkan pe-

mimpin industri bahawa banyak pembangunan menarik sedang dijalankan di Malaysia dengan menyebut pelaburan AS\$7 bilion oleh Aramco dari Arab Saudi.

Sasar AS\$15 bilion

Selain itu, beliau yang juga Menteri Kewangan, berkata pembangunan Zon Perdagangan Bebas Digital, pertama di dunia yang dilancarkan beliau dan Jack Ma, iaitu pengasas Alibaba pada bulan lalu.

Mengenai perdagangan di an-

tara kedua-dua negara, beliau berkata, mereka berharap mencatat sasaran AS\$15 bilion (RM60b) dalam tempoh tiga tahun selepas sasaran awal pada 2015 tidak dapat dicapai berikutan kelembapan ekonomi.

Najib juga berkata, pelbagai program transformasi ekonomi dilaksanakan Malaysia sedang membuah hasil dengan pewujudan 1.8 juta pekerjaan, pengurangan kemiskinan dan menggandakan pendapatan negara kasar.

Malaysia kutuk serangan di St Petersburg

Kuala Lumpur: Malaysia mengutuk tindakan kejam pihak yang mengakibatkan letupan di stesen kereta api bawah tanah di St Petersburg, Russia sehingga mengorbankan sekurang-kurangnya 10 orang, manakala 50 lagi cedera.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menerusi laman Twitter rasminya malam tadi, mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa terbabit dan

berkata perbuatan kejam itu meragut nyawa orang tidak berdosa di St Petersburg.

Jawatankuasa Kebangsaan Anti-penggunaan Russia dilaporkan berkata, bahan letupan meletup dalam kereta api dalam perjalanan antara stesen Sennaya Ploshchad dan Tekhnologicheskyy Institut.

→ Lagi berita Ms.48

Katanya, ekonomi Malaysia mampu mengurangkan kesan kelembapan ekonomi global berikutan transformasi terbabit, dengan kebergantungan ke atas minyak dan gas merosot kepada 14 peratus berbanding 41 peratus pada 2010.

"Dengan ekonomi kami yang sangat pelbagai, asas pembuatan kukuh, infrastruktur maju, dasar kerajaan proaktif serta sistem perundangan baik, kami percaya ada potensi besar untuk meningkatkan kerjasama di antara India dan Malaysia.

"Kami boleh jadi pintu masuk anda ke ASEAN serta negara lain," katanya sambil memelawati perniagaan negara ini mengambil manfaat daripada pelbagai peluang ditawarkan Malaysia yang mempunyai peraturan tertinggi diaspora India di luar negara itu.

"Pasaran itu terbuka untuk perniagaan dan idea anda. Dengan usaha kedua-dua negara, perdagangan dan kerjasama ekonomi Malaysia-India boleh dipertingkatkan ke tahap lebih tinggi," katanya.

BERNAMA